

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 PENGERTIAN TAJUK.

Tajuk kertas projek yang dipilih oleh penulis didalam penulisan ini ialah : **Falsafah dan Konsep Pendidikan Menurut Imam Al-Ghazali**. Penulisan ini hanya menjurus di sekitar pandangan atau penjelasan beliau berkaitan dengan pendidikan, khususnya pendidikan menurut Islam. Sehubungan dengan tajuk di atas, penulis akan memberi beberapa definisi mengenai tajuk ini.

Falsafah berasal dari perkataan '*philof*' yang bererti 'cinta', manakala '*sophie*' bermaksud 'hikmah' atau 'kebijakan'. Oleh itu maksud sebenarnya ialah cintakan kepada kebijakan. Imam Barnabib (1987). Berdasarkan Kamus Dewan (1993), falsafah bermaksud sebagai pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu tertinggi.

Konsep berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu "*concept*". Di mana dari sudut bahasa bererti pengertian (pendapat yang terbentuk dalam fikiran) mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan atau idea. Tg Iskandar (1993).

Pendidikan : diambil dari kata asalnya iaitu "didik" yang bererti pelihara, jaga (dengan hati-hati). Menurut Kamus Dewan (1993) lagi, pendidikan bererti perihal mendidik.

Menurut Syed Naquib (1980) dalam bukunya yang bertajuk "*The Concept of Education in Islam*", menjelaskan bahawa pendidikan merupakan satu proses penanaman sesuatu ke dalam diri manusia. Satu proses penanaman lebih merujuk kepada metode dan sistem untuk menanamkan apa yang disebut sebagai pendidikan secara bertahap. Menurut beliau lagi sesuatu adalah merujuk kepada kandungan atau kurikulum yang ditanamkan dan "diri" manusia pula merujuk kepada penerima proses dan kandungan itu.

1.1.1 Kesimpulan Tajuk

Penulisan kertas projek yang berkaitan dengan tajuk ini adalah untuk meniliti dengan lebih jelas dan mendalam tentang pemikiran tokoh Islam yang unggul dan terkenal di dunia, iaitu imam Al-Ghazali. Ia berkaitan tentang falsafah dan konsep pendidikan menurut pandangan beliau yang telah memberi sumbangan pada zaman kegemilangannya.

Menurut Hamid Fahmy (1990), kebudayaan, sains, pendidikan dan agama telah digalakkan dan berkembang secara harmoni. Satu karya penting diantara karya-karyanya ialah penulisan beliau tentang pendidikan yang telah memberi sumbangan berguna dalam dunia pendidikan.

Menurut Hamid Fahmy lagi, imam Al-Ghazali amat menekankan asas tabie manusia berdasarkan pengalaman peribadinya. Seterusnya beliau menggariskan keberkesanan perkenbanngan tabie manusia didalam aktiviti pendidikan. Al-Ghazali menganggap akal manusia diperingkat: kanak-kanak mudah menerima pengaruh luar dan amat mudah tunduk kepada arahan ibu bapa dan guru. Oleh itu perlu diambil perhatian serius dalam membentuk prinsip-prinsip dalam jiwa kanak-kanak.

Setiap bentuk etika dan tatasusila manusia masih berteruskan ajaran sunnah Rasulullah s.a.w. beliau tidak mengasingkan unsur-unsur agama dengan dunia. Al-Ghazali juga menekankan perhubungan guru dengan murid di samping aspek personaliti guru yang bertindak sebagai model kepada anak-anak didiknya.

Sehubungan dengan itu gelaran sebagai tokoh pendidik Islam yang unggul adalah wajar kerana beliau telah melahirkan teori-teori pembaharuan dalam pendidikan. Al-Ghazali mempunyai ketajaman fikiran dengan mengenal pasti masalah pendidikan dan memberi jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.. Oleh itu kajian tentang pendapat

beliau berhubung dengan pendidikan dapat memberi faedah kepada kita, terutama dalam membentuk garis panduan kepada umat Islam dalam mengislamisasikan Ilmu.

1.1.2 Rumusan Masalah.

Secara ringkasnya masalah yang cuba disingkap oleh penulis melalui kertas projek ini ialah:

- Apakah pandangan Al-Ghazali berkenaan dengan pendidikan dari sudut konsep dan definisi dengan secara mendalam.
- Perlukah pendidikan menurut Al-Ghazali diubah untuk disesuaikan menurut keadaan masyarakat moden atau tidak.
- Sejauhmanakah keberkesanan pendidikan yang dianjurkan oleh Al-Ghazali terhadap pembangunan ummah dalam menghadapi cabaran hidup di dunia ini.
- Wajarkah diberi penekanan terhadap kaedah pendidikan Al-Ghazali terutama berhubung dengan hubungan antara guru dengan anak-anak didiknya.

1. 2 TUJUAN PENYELIDIKAN.

Diantara tujuan penyelidikan ini ialah:

- a) Sebagai makhluk ciptaan Tuhan, penyelidikan ini adalah untuk mencapai dan mendapat keredhaan Allah s.w.t di dunia dan di akhirat. Ini adalah kerana melalui ilmu yang hak, makhluk Allah yang bergelar insan akan beroleh darjah yang tinggi di sisi Tuhan.
- b) Penulisan berbentuk ilmiah ini akan dapat memberikan sumbangan dan manfaat kepada para pencinta ilmu Islam, khususnya dalam bidang pendidikan.

- c) Menambah ilmu pengetahuan penulis terutama dalam bidang pendidikan secara lebih dalam dan rasional agar dapat dipraktikkan di masa-masa akan datang.
- d) Penulisan ini juga dibuat sebagai rentetan kepada isu-isu yang timbul diantara guru dengan murid, yang menjadi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kerana mungkin kurangnya fahaman sebenar mengenai hubungan di antara keduanya.

1. 3 METODOLOGI.

Menurut Imam Barnabib (1984), metodologi penyelidikan adalah ilmu tentang cara mengadakan penemuan. Ini adalah penting kerana metodologi memainkan peranan yang penting dalam embuat kesimpulan atau penilaian bagi sesuatu kajian dapat dibuat dengan lebih sempurna dan tepat.

Terdapat beberapa teknik penyelidikan yang digunakan dalam sesuatu kajian ilmiah, diantara teknik penyelidikan ialah:

- Penyelidikan perpustakaan atau *library research*.
- Penyelidikan lapangan atau *field research*.
- Penyelidikan makmal atau *laboritorium research*.

Dalam kajian ini penulis hanya menggunakan kaedah yang pertama sahaja iaitu penyelidikan perpustakaan atau library research. Oleh yang demikian bagi menjalankan kajian ini penulis telah mengunjungi perpustakaan terdekat bagi begi mendapatkan data-data yang diperlukan dari buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah, kertas kerja, akhbar dan lain-lain lagi yang berkaitan.

Di dalam penyimpulan data-data, fakta dan maklumat terhadap kertas kerja ini, penulis telah menggunakan beberapa metode penyelidikan. Umumnya metode yang digunakan dalam penulisan ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Metode penyimpulan data.

- Metode analisis data.

1.3.1 Metode Pemyimpulan Data.

Data merupakan satu aspek yang penting dalam usaha penulis menyiapkan penyelidikan ini. Ia merupakan sumber asas bagi penulis memulakan penelitian dan juga penulisan. Dalam proses pengumpulan data, penulis pada umumnya telah mendapatkannya dari beberapa sumber yang diperlukan melalui metode-metode berikut:

- Metode historis.
- Metode dokumentasi

a) Metode Historis

Metode ini digunakan untuk membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Sejarah adalah catatan peristiwa yang benar-benar berlaku di dalam kehidupan manusia yang telah lalu. Penulis menggunakan metode ini dalam mencari maklumat tentang sejarah pendidikan pada zaman Al-Ghazali dan latar belakang kehidupan dan aktiviti Al-Ghazali. Penulis telah banyak menngunakan metode ini dalam bab yang pertama, iaitu bahagian latarbelakang masalah.

b) Metode Dokumentasi

Sebagaimana menurut Abdul Halim Mat Diah (1986), metode dokumentasi bertujuan untuk membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara atau dokumen dan bahan-bahan bertulis yang ada hubungannya dengan permasalahan yang dikaji. Metode ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan penelitian terhadap dokumen-

dokumen yang dikaji. Antara dokumen yang digunakan oleh penulis digunakan dalam bab 1, 2, 3 dan 4.

1.3.2 Metode Analisa Data.

Apabila data-data yang diperlukan dapat diperolehi dan dikumpulkan melalui beberapa metode yang dinyatakan di atas, penulis telah menganalisa dan memperolehinya melalui metode-metode berikut:

- a) Metode induktif.
- b) Metode deduktif.
- c) Metode Komparatif.

- Metode induktif.

Metode ini merupakan suatu cara menganalisa data melalui pemikiran minda yang mencari penghujahan atau pembuktian daripada perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada bukti umum.

Metode ini digunakan dalam bab satu iaitu pengertian tajuk. Manakala dalam bab dua ia menjelaskan definisi pendidikan. Bab 3 dan 4 berkaitan dengan analisa data untuk mendapatkan data-data kurikulum dan kaedah pendidikan Al-Ghazali. Seterusnya dalam bab ke- 5 penulis membuat kesimpulan secara umum mengenai data yang diperolehi dari kesemua bab.

- Metode deduktif.

Metode ini pula berkaitan kesimpulan yang berbentuk umum berdasarkan kepada kesimpulan yang berbentuk khusus. Metode ini sering digunakan dalam bab kedua dan

bab keempat dalam menganalisa data atau maklumat, seterusnya membuat kesimpulan mengenainya.

- Metode Komparatif.

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang di perolehi.

1.4 SISTEMATIKA PENULISAN.

Penulis telah membahagikan kertas projek ini kepada lima bab. Penulisan ini dimulakan dengan bab pertama iaitu bab pendahuluan. Ia memperkatakan tentang latar belakang masalah berkenaan dengan riwayat hidup dan keperibadian Imam Al-Ghazali. Penjelasan juga dibuat berkenaan dengan sejarah pendidikan beliau secara terperinci. Penulis juga menyentuh secara ringkas tentang karya Imam Al-Ghazali dalam bidang falsafah. Seterusnya penulis membincangkan juga pengertian tajuk, tujuan penyelidikan, metodologi dan sistematika penulisan.

Bab kedua pula mengenai falsafah pendidikan Al-Ghazali. Ia merangkumi definisi pendidikan, falsafah pendidikan Al-Ghazali, falsafah pendidikan ahli-ahli pemikir Islam lain dan pandangan ahli-ahli falsafah bukan Islam. Penulis juga menjelaskan matlamat pendidikan secara mendalam dan kelebihan ilmu pengetahuan. Di samping itu juga huraian mengenai pembahagian ilmu iaitu cara untuk mencapainya.

Seterusnya dalam bab ketiga iaitu bab kurikulum pendidikan Al-Ghazali. Penulis memfokuskan pandangan Al-Ghazali mengenai kurikulum kepada 2 bentuk, iaitu di peringkat dasar pendidikan. Tahap permulaan pendidikan manusia ialah semasa kanak-

kanak. Bentuk kedua pula ialah di peringkat menengah dan tinggi. Di mana ia menerangkan pengertian mata pelajaran fardhu ain dan fardhu kifayah.

Dalam bab keempat menjelaskan kaedah pendidikan Al-Ghazali. Penulis menulakan dengan menerangkan peranan guru, kesediaan guru dan juga persediaan guru dalam menghadapi muridnya. pendidikan agama dan akhlak di samping metode-metode berkaitan dengan pendidikan ini diberi perhatian dari sudut contoh teladan.

Bab terakhir iaitu bab kelima juga merupakan bab penutup bagi kertas projek ini. Bab ini menjelaskan berkenaan kesimpulan terhadap penyelidikan yang dilalui oleh penulis. Disamping itu bab terakhir ini juga mengemukakan saranan penulis terhadap segala permasalahan yang timbul daripada kajian ilmiah ini.

1.5 LATAR BELAKANG MASALAH.

1.5.1 Pengenalan Imam Al-Ghazali

Membicarakan mengenai pandangan Imam Al-Ghazali tentang pendidikan, sewajarnya kita mengetahui dahulu latarbelakang beliau dari sudut keperibadian Al-Ghazali terlebih dahulu.

Menurut H. Abu Ahmadi (1976), nama sebenar Al-Ghazali ialah Muhammad bin Muhammad bin Ahmad. Beliau lebih dikenali dengan nama Al-Ghazali iaitu dengan menyebut sekali sahaja huruf 'z' (ز) ialah kerana dia dinisbahkan kepada "Ghazalah" iaitu nama sebuah perkampungan dalam daerah Thus.

Gelaran kedua Al-Ghazali ialah apabila dinisbahkan kepada "Ghazzal" iaitu bererti menenun benang yang mana ia merupakan pekerjaan bapanya. Oleh yang demikian panggilan Al-Ghazali iaitu dengan dua 'z' sebagai sebutan penduduk Khurasan kepadanya. Zainal Abidin Ahmad (1976).

Selain daripada yang telah dijelaskan di atas, banyak lagi gelaran yang diberikan kepada Imam Al-Ghazali. Di antara gelaran lain yang paling masyhur ialah sebagai “*Hujjatul Islam*”. Menurut ‘Aidil Za’bub (1993), Al-Ghazali juga digelar sebagai *Amir al-Kitab*, Muhammad bin Abdullah ialah *Amir al-Ambia*’, Muhammad bin Idris Syafie sebagai Amir al-Imam dan Muhammad bin Muhammad bin Hamid Al-Ghazali sebagai *Amir al-Kitab*.

Al-Ghazali merupakan tokoh Islam yang terkemuka pada zaman kegemilangan Islam. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai ahli falsafah, tetapi juga mahir dalam bidang mantiq, ketuhanan, undang-undang, sains dan bidang sufi. Pendapat-pendapatnya dianggap mashyur dan amat terkemuka di waktu itu.

Sesungguhnya Al-Ghazali berasal daripada sebuah keluarga miskin, kerana ayahnya hanya bekerja sebagai seorang pemintal benang dan menjualnya di pekan bandar Thus. Ayahnya merupakan seorang ahli tasawwuf yang soleh dan telah meninggal dunia ketika Al-Ghazali masih kecil lagi.

Sebelum kewafatan ayahnya, beliau telah mewasiatkan kepada seorang ahli tasawwuf untuk mendapatkan bimbingan dan pemeliharaan dalam kehidupan anak-anaknya. Sidik Hj Baba (1988). Sehubungan dengan itu ahli sufi tersebut telah mendidik Al-Ghazali dan adiknya sehingga habis peninggalan harta ayah mereka. Seterusnya ahli sufi itu menasihatkan Al-Ghazali dan adiknya agar menuntut ilmu sebanyak mungkin.

Semenjak kecil lagi Al-Ghazali merupakan seorang yang mencintai ilmu pengetahuan. Beliau sering meniliti dan merenung tentang hakikat. Walaupun dalam penelitiannya, beliau seringkali bertemu pelbagai kesukaran dan kesulitan.

1.5.2 Sejarah Pendidikan Al-Ghazali.

Proses pembelajaran Al-Ghazali dapat dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama di Thus, kemudiannya di Jurjan dan akhirnya di Naisabur.

i) Peringkat di Thus

Menurut Azlan Khalili Shamsudin (1991), Al-Ghazali mula mendapat pendidikan rasmi dengan belajar agama di Kota Thus pada tahun 465 Hijrah. Di sana beliau mempelajari mata pelajaran seperti ilmu fiqh Syafie dan usul al-Din dengan seorang guru yang dikenali sebagai Ahmad bin Muhammad al-Razkani.

Sepanjang pengajian Al-Ghazali di Thus, beliau telah mendapat pengajaran dari Yussuf al-Nassaj tentang ilmu tasawwuf selama tiga tahun. Sepanjang pengajaran Al-Ghazali dengan guru ini, beliau telah diajari supaya melakukan latihan-latihan tasawwuf untuk membersihkan jiwynya dari sebarang unsur-unsur luar yang negatif.

ii) Peringkat di Jurjan

Ketika usianya meningkat liam belas tahun (465 hijrah), beliau telah berhijrah ke Jurjan. Sidik Baba (1988). Ketika inilah beliau mendapat tunjuk ajar daripada Imam Abu Nasr al-Ismaili yang meninggal dunia kemudiannya pada tahun 487 Hijrah.

Menurut Dr Hassan Langgulung (1986), setelah Al-Ghazali menuntut ilmu selama 5 tahun di Jurjan pada tahun 470 Hijrah, beliau telah pulang ke kampungnya di Thus dan tinggal di sana selama tiga tahun untuk mengkaji semula dan menghafal segala ilmu yang diperolehi di Jurjan.

iii) Peringkat di Naisabur.

Menurut Sidik Hj Baba lagi, pada tahun 473 hijrah sewaktu beliau berusia 23 tahun, Al-Ghazali telah berpindah ke Naisabur dan menuntut dengan seorang guru bernama Diauddin Abi al-Maali bin Abd Malik al-Juwaini. Beliau dikenali juga dengan nama Imam al-Haramayn seorang ulama al-syari yang paling terkenal dan sebagai ketua institusi al-Nizamiyah.

Di bawah bimbingan Imam al-Haramayn, Al-Ghazali mempelajari bidang usuluddin, ilmu kalam, sains tabic, falsafah dan mantiq. Imam Abi Hamid Al-Ghazali (1991).

Dalam Azlan Khalili menjelaskan, subjek utama yang diajar oleh Imam al-Haramayn kepada Al-Ghazali ialah ilmu kalam. Tuan guru ini juga mengakui bahawa Imam Al-Ghazali telah menunjukkan kecenderungannya untuk berfalsafah.

Sewaktu barada di Naisabur juga, Imam Al-Ghazali telah mempelajari teori dan amalan tasawuf dari Imam Al-Zahid abi Ali al-Fadhil b Ali al-Farmadhi al-Tusi, yang merupakan ketua sufi di sana. Beliau juga turut mendalami ilmu usuluddin dan falsafah. Oleh yang demikian Al-Ghazali lebih dihormati daripada kebanyakan ulama yang ada pada ketika itu. Kemasyhuran Al-Ghazali dari sudut mutu ilmunya telah tersebar luas keseluruh pelusuk dunia.

iv) Menurut Hassan Langgulung (1987), selepas kewafatan Imam al-Haramayn

Al-Ghazali pergi menemui Nizam al-Mulk, menteri kerajaan dari Dinasti Saljuk (Turki) di Muaskar. Nizam al-Mulk ialah ilmuan yang unggul, berjaya

mengumpulkan ulama dari semua bidang ilmu sehingga perbahasaan dan perbincangan mengenai pelbagai bidang akademik mahupun sastera

Kehebatan Al-Ghazali telah menarik minat Nizam Al-Mulk untuk melantik Al-Ghazali sebagai pengajar ilmu-fiqh terutamanya di Madrasah Nizamiyah yang amat terkenal di Baghdad.

Setelah empat tahun berada di Baghdad, beliau berhenti mengajar lalu menunaikan fardhu haji. Seterusnya beliau ke Syam dan menetap di sana dalam keadaan zuhud untuk beribadah.

1.5.3. Hasil Karya Al-Ghazali.

Keistimewaan Al-Ghazali ialah sebagai seorang pengarang yang sangat produktif, yang mempunyai daya ingatan yang kuat serta alim. Kandungan karyanya membicarakan sekitar “fikiran keagamaan” (*Fikrah al-Din*)

Sebagaimana menurut

Sulayman Dunya (1947), hasil karya Al-Ghazali mencapai jumlah 300 buah kesemuanya.

Walaubagaimanapun sebahagian besar hasil karyanya musnah akibat serangan orang-orang Mongol yang telah membakar kota Baghdad dalam abad ke- 13.

Diantara hasil karyanya dalam bidang falsafah ialah:

1) Tujuan Ilmu Falsafah (*Maqasid al-Falasifah*).

Merupakan karyanya yang pertama, ketika usia mudanya iaitu sekitar 25 – 28 tahun. Hasil karya falsafal beliau mendapat perhatian di Sepanyol dan Eropah dalam abad ke- 12 dan 13.

2) Kesesatan Ilmu Pengetahuan (*Tahafut al-Falasifah*)

Hasil karya beliau di Baghdad sewaktu usianya menjangkau 35 hingga 38 tahun. Hasil karyanya ini menunjukkan Al-Ghazali berusaha membuktikan kebebasan mutlak Tuhan

dan keterbatasan akal manusia untuk mengetahui masalah-masalah ketuhanan. Victor Said Basil (1990).

3) Ilmu Pengetahuan yang Rasional (*Ma'rifah al-Aqliyah*)

Buku ini pula mengungkapkan asal-usul ilmu yang rasioanal, seterusnya berkaitan matlamat dan tujuan ia manghasilkannya.

Demikianlah diantara hasil-hasil karya Imam Al-Ghazali yang lebih menjurus kepada bidang falsafah. Ianya menjadi rujukan kepada cendikiawan Islam manapun yang bukan Islam. Jelaslah beliau bukan sahaja dikenali sebagai ahli sufi tetapi juga dianggap ahli fiqh, falsafah dan dalam bidang pentadbiran negara.

Sukar untuk dinafikan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh beliau begitu masyhur kerana perbahasaannya baik dan bersistematik di samping curahan ilmunya yang luas.

1.5.4 Kewafatan Al-Ghazali

Imam Al-Ghazali kembali semula ke Baghdad daripada Mesir. Walaubagaimanapun beliau tidak menetap di sana. Seterusnya beliau meneruskan perjalananannya ke Thus. Setelah itu beliau pergi ke Naisabur untuk melaksanakan kerja-kerja ilmiahnya di sekolah Nizam Al-Mulk. Beliau kembali semula ke Thus, lalu menubuhkan sebuah sekolah tasawuf. Imam Al-Ghazali menghabiskan hari-hari terakhir dalam kehidupannya umpama seorang pelajar. Ini adalah disebabkan beliau masih lagi mempelajari ilmu hadith, menulis buku bertajuk,

“

”

dan dapat dihabiskan beberapa hari sebelum kewafatannya. Azlan Khalili (1991).

Imam Al-Ghazali meninggal dunia di Kota THus, iaitu tempat beliau dilahirkan, tanggal 14 Jamadil Akhir, 505 Hijrah, bersamaan 1111 masihi. Beliaudilahirkan di Kota Tus kembali semula dari perjalanan jauh untuk melalui hari-hari akhir hidupnya di sana. Sepanjang hayat beliau dipenuhi dengan menuntut ilmu dan menghabiskan hari tuanya sebagai seorang guru dan petunjuk jalan.